

**Muzakarah perlu diteruskan
Utusan Online
25 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 24 Mei - Usaha menemukan UMNO dan Pas atas nama perpaduan serta menjaga kepentingan Islam wajib digerakkan terutama dalam keadaan kedudukan agama suci itu dipersoalkan oleh bukan Islam.

Justeru, bekas Ketua Penerangan Pas Selangor, Hasan Basri Mohamad meminta pemimpin Pas menyedari keengganan mereka bermuzakarah bukan sahaja bertentangan dengan perintah Allah SWT malah boleh membuatkan pihak terbabit semakin berani mempertikaikan Islam.

Beliau berkata, adalah mustahil pemimpin Pas khususnya yang bertaraf ulama tidak mengetahui mengenai peringatan Allah SWT berhubung kewajipan umat Islam bersatu, apatah lagi membabitkan usaha-usaha menjaga kepentingan Islam serta mempertahankannya daripada dicemari oleh musuh Islam.

"Dalam ayat 159 surah Ali-Imran, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud'...dan juga bermesyuaratlah (bermuzakarah) dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan), kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Hasan berkata, amat malang sekiranya pemimpin Pas yang mempunyai ilmu agama tidak mahu menjunjung perintah Allah SWT itu disebabkan faktor politik serta keinginan menawan Putrajaya.

Malah, beliau turut menyatakan rasa hairan apabila Pas sanggup bersekongkol dengan DAP yang jelas kurang senang dengan Islam.

"Ia amat berbeza dengan UMNO kerana pemimpin dan ahli UMNO adalah saudara seagama dengan kita, berpegang kepada akidah yang sama dan menghadap kiblat yang sama.

"Bukankah Allah SWT memerintahkan setiap umat Islam bersatu padu? Mustahil puak-puak ulama Pas tidak tahu mengenai perintah ini," katanya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (Muafakat), Ismail Mina Ahmad berkata, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak sepatutnya meletakkan syarat untuk bermuzakarah atas nama Islam.

Apatah lagi katanya, soal perpaduan Islam yang ditekankan menerusi muzakarah itu lebih besar berbanding syarat-syarat yang ditetapkan.

"Cuba lihat sejarah Islam bagaimana Saidina Ali yang merupakan seorang khalifah besar sanggup bermuzakarah dengan Muawwiyah atas nama perpaduan ummah dan kemaslahatan umat Islam ketika zaman itu tanpa syarat," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Amidi Abdul Manan berkata, pertubuhan itu menghormati pendirian Pas berhubung isu muzakarah tersebut.

Bagaimanapun, kata beliau, usaha menemukan kedua-dua parti besar orang Melayu itu hendaklah diteruskan memandangkan ia kini menjadi harapan sebahagian besar umat Islam di negara ini.

"Kita berdoa akan tiba satu masa nanti kedua-dua parti ini dapat bertemu. Mungkin pada masa itu keadaannya sangat sesuai serta amat kondusif yang akhirnya boleh mendorong kedua-dua parti bermuzakarah," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_09.htm